

SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA DARI ERA KESULTANAN MELAYU MELAKA HINGGA KURUN KE-21: SATU TINJAUAN

Fathiah Fathil^{a*}, Fauziah Fathil^b, Juriah Mohd Amin^c

^{a,c}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Malaysia

^bUniversiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia

fathi397@uitm.edu.my

fauziahfathil@iium.edu.my

juriah876@uitm.edu.my

*Fathiah bnti Fathil

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
30/08/2023
Accepted:
01/09/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:
Kewangan Islam;
Kesultanan Melaka;
Malaysia;
Sistem kewangan Islam
Sistem kewangan Malaysia;

DOI:
[10.24191/JIPSF/v5n22023_125-136](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_125-136)

Abstrak

Pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia telah melalui sejarah perkembangan yang tersendiri selari dengan perubahan masa dan era pemerintahan negara. Bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, sistem kewangan yang berdasarkan hukum Islam telah diguna pakai seperti mana yang termaktub di dalam Hukum Kanun Melaka atau Undang-undang Melaka. Berpaksi kepada keadilan serta hak yang saksama, sistem kewangan Islam yang dilaksanakan secara tidak langsung telah menyumbang kepada perkembangan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju lagi unggul di Asia Tenggara. Namun, keadaan ini sedikit sebanyak berubah ketika era penjajahan kolonial di Tanah Melayu berikutan sistem pemerintahan yang secara amnya berteraskan prinsip kapitalisme. Menjelang awal kurun ke-20, sistem kewangan Islam ini berubah lagi secara bertahap atau perlahan-lahan daripada satu amalan yang terhad dalam kalangan masyarakat Melayu kepada sistem yang lebih komersial dan kompetitif ekoran kebangkitan aliran pemikiran ekonomi Islam dalam kalangan para pemikir dan pemimpin kontemporari. Penulisan ini yang melibatkan kajian perpustakaan dan kualitatif adalah untuk mengenal pasti perkembangan sistem kewangan Islam bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hinggalah abad ke-21. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana penggunaan sistem kewangan Islam dalam tempoh tersebut serta bentuk amalan yang diguna pakai dalam kalangan masyarakat. Kesimpulan kajian ini ialah perkembangan amalan sistem kewangan Islam berubah seiring dengan perkembangan sosio politik dan ekonomi di negara ini.

ISLAMIC FINANCIAL SYSTEM IN MALAYSIA FROM THE ERA OF MALACCA SULTANATE UNTIL 21ST CENTURY: A CASE STUDY

Islamic financial system implemented in Malaysia underwent a unique historical development in response to the changing time and political rule. The implementation of the financial system which is rooted in Islamic principles can be traced back to the Malacca Sultanate era, exemplified in Hukum Kanun Melaka and Undang-undang Melaka. Centred on the concept of justice and equality, the Islamic finance implemented during the Sultanate period had indirectly contributed to the development of Malacca as the prosperous and prominent port in Southeast Asia. The situation, however, changed following the colonisation of Malay States where the system of governance was generally constructed around the principle of capitalism. By the early 20th century, the Islamic financial system gradually changed from being a practice limited amongst Malay community to a more commercial and competitive system resulted from the resurgence of ideas on Islamic economy by Muslim thinkers and contemporary Muslim leaders. Using library research and qualitative approach, this paper seeks to examine the system of Islamic finance from the era of Malacca Sultanate until the 21st century. Moreover, the study aims to assess the extent of the implementation of the Islamic finance during the said-period and the nature of its practice in the society. The finding of the study illustrates that the development of the system of Islamic finance evolves in parallel with the socio-political and economic changes that took place in the country.

Key words: Islamic finance; Malacca Sultanate; Malaysia; Malaysian financial system; Islamic financial system

PENGENALAN

Tatakelola yang sistematik hasil daripada amalan kewangan yang adil dan saksama semasa era pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah antara faktor utama yang menarik kedatangan ramai pedagang dari pelbagai pelusuk dunia untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Melaka. Amalan jual beli, perdagangan serta sistem percukaian yang teratur dan tersusun telah menjadikan Melaka sebuah pelabuhan yang berjaya dan setanding dengan pelabuhan Venice yang terkenal suatu masa dahulu. Namun, kehilangan pengaruh kuasa politik orang Melayu setelah kedatangan kuasa Eropah ke rantau ini telah menyebabkan sistem ini tidak lagi diguna pakai secara konsisten dalam urusan muamalat dan jual beli bahkan dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Contohnya, ketika era penjajahan kolonial, sistem undang-undang sekular yang bersandarkan kepada undang-undang British telah dipakai secara meluas sama ada dalam aspek kehakiman, pentadbiran, perdagangan, jual beli dan sebagainya. Namun begitu, prinsip muamalat Islam masih kekal diamalkan dalam masyarakat Islam khususnya dalam amalan kehidupan bermasyarakat walaupun secara terbatas dan tidak menyeluruh.

Menjelang abad ke-20, didorong oleh kesungguhan para ilmuan dan tokoh Islam yang berjuang mengetengahkan bidang muamalat Islam secara global terutamanya melalui penulisan, serta sokongan pihak kerajaan dan komuniti Islam, akhirnya telah mencetuskan transformasi besar dalam arus perdana kewangan Islam negara ini, khususnya pada era pasca merdeka. Pelbagai idea telah diutarakan dan akhirnya, dengan sokongan pelbagai pihak, sistem kewangan Islam ini telah dipraktikkan secara meluas di Malaysia. Pelbagai bentuk institusi kewangan telah diwujudkan dalam usaha memperkasakan penggunaan sistem ini dalam masyarakat majmuk Malaysia. Kini, bukan sahaja sistem kewangan Islam telah diterima oleh masyarakat bukan Islam di negara ini, tetapi juga dengan terbuktinya keberkesanan sistem ini, ia telah menjadikan Malaysia sebagai model bagi negara lain yang ingin melaksanakan sistem kewangan Islam di negara mereka.

OBJEKTIF

Kajian yang dijalankan mensasarkan tiga objektif iaitu (i) Menelusuri sejarah perkembangan sistem kewangan Islam di Malaysia (ii) Mendalami tahap pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia (iii) Mengenal pasti bentuk umum sistem kewangan Islam yang diamalkan di Malaysia.

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kandungan daripada sorotan kajian lepas serta kajian perpustakaan yang secara asasnya berbentuk kualitatif. Memandangkan kajian ini cuba melihat sejarah perkembangan amalan sistem kewangan Islam di Malaysia, skop kajian bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, seterusnya, era kolonial dan pasca merdeka hingga kini. Selain daripada itu, maklumat juga diperoleh daripada abstrak *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka* yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, yang diulas di dalam sumber sekunder. Sementara itu, maklumat tentang sistem kewangan Islam yang diguna pakai pada era pasca merdeka adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia dan Akta-akta kewangan yang berkaitan.

KONSEP SISTEM KEWANGAN ISLAM

Definisi

Sebahagian penulis mendefinisikan sistem kewangan Islam sebagai himpunan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hasil mahsul (sumber-sumber) sesebuah kerajaan dan cara-cara memungutnya serta membuat perbelanjaan. Antara sumber kewangan bagi negara Islam adalah zakat, harta rampasan (*al-Ghanimah*), *al-Fay'*, *al-Jizyah*, *al-'Usyur* serta beberapa bentuk cukai dan sumber yang lain. Adapun, sistem ini juga turut ditakrifkan sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem ekonomi Islam atau satu produk hasil daripada urusniaga kewangan (*financial transactions*) yang dijalankan dalam sistem ekonomi Islam (Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999).

Ciri-ciri Sistem Kewangan Islam

Secara umumnya, sistem kewangan Islam adalah berlandaskan ciri-ciri berikut:

- i. sifat tolong-menolong antara satu sama lain dan bukan persaingan yang tidak sihat seperti monopoli dan sebagai
- ii. kegiatan yang dilakukan mestilah disertai dengan persetujuan bersama tanpa ada unsur paksaan
- iii. aktiviti yang dilakukan hendaklah disertai dengan sifat terpuji seperti *qana'ah* (kesederhanaan), ikhlas, benar, bertimbang rasa dan lain-lain
- iv. ketiadaan sebarang unsur larangan muamalat termasuk *riba*, *gharar*, *ikhtikar*, penindasan, penipuan, pembaziran dan sebagainya

Dengan kata lain, sistem ini hendaklah berasaskan kepada falsafah agama Islam kerana aktiviti kewangan sebagaimana aspek kehidupan orang mukmin yang lain turut tertakluk kepada tuntutan agama Islam (Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999). Sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah 2: 275 yang mafhumnya;

...Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...

Penegasan hukum ini ternyata menjadikan sistem kewangan Islam menampilkan ciri-ciri khusus yang jelas membezakannya daripada amalan kewangan konvensional.

Perbezaan Sistem Kewangan Islam dan Konvensional

Pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia mengambil bentuk struktur yang sama dengan sistem kewangan konvensional yang sedia ada di mana ia boleh dibahagikan kepada dua sistem, iaitu;

- i. sistem perbankan yang terletak di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia (BNM)
- ii. sistem pengantara kewangan bukan bank yang terletak di bawah penyeliaan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

Hasrat Kerajaan untuk menjadikan sistem kewangan Islam selari dengan sistem kewangan konvensional telah dimulakan dengan penubuhan BIMB pada tahun 1983. Umumnya, sistem kewangan Malaysia terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu; i. Sistem perbankan, ii. Pengantara kewangan bukan bank dan iii. Pasaran kewangan (Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999). Sekalipun mempunyai persamaan dari segi bentuk struktur di antara dua sistem ini, namun, perbezaan yang wujud dari aspek pelaksanaan antara keduanya masih jelas. Antaranya;

i. Sistem kewangan Islam tidak berpaksikan kepada unsur faedah dalam operasinya berbanding dengan kewangan konvensional yang meletakkan faedah sebagai nadi penggerak kepada aktiviti operasinya. Faedah merupakan hasil atau lebih daripada jumlah pinjaman atau hutang yang diberikan oleh pihak bank. Ayat al-Quran secara jelas menegaskan tentang pengharaman faedah seperti mana dalam ayat 275 dalam surah al-Baqarah. Sebaliknya, Islam menetapkan bahawa keuntungan perlu diperolehi melalui cara yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Keuntungan seharusnya terhasil daripada kontrak jual beli, perkongsian untung rugi (pelaburan) dan beberapa kontrak lain yang diiktiraf oleh syariat seperti *al-Murabahah*, *al-Mudharabah* (perkongsian keuntungan), *Wadi'ah yad Dhamanah*, *al-Musyarakah* (perkongsian untung rugi) dan lain-lain kontrak yang dibenarkan syariat.

ii. Institusi kewangan Islam menstruktur produk yang ditawarkan dengan menggunakan pelbagai kontrak syariah seperti *Murabahah*, *Musyarakah*, *Ijarah*, *Istisna* dan sebagainya. Ia berbeza dengan kewangan konvensional yang berteraskan konsep menerima hutang hasil pinjaman wang contohnya, daripada bank, serta keuntungan yang berdasarkan kadar faedah atau riba. Penawaran produk bertepatan syariah turut dijalankan di institusi perbankan, insurans Islam (Takaful), pajak gadai Islam (al-Rahnu) dan sebagainya.

iii. Konsep kebajikan dan manfaat tidak terhad di dunia tetapi juga di akhirat merupakan satu ciri pelaksanaan sistem kewangan Islam. Melalui langganan produk yang telah disahkan patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah di peringkat bank dan di peringkat Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, segala produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mampu membantu para pelanggan berkaitan transaksi harian mereka. Aspek ini turut dinikmati golongan bukan Islam dalam urusan kewangan mereka. Melalui kajian-kajian terdahulu, faktor nilai pulangan untuk wang dan pengurusan risiko dalam perbankan Islam dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama pemilihan produk perbankan Islam dalam kalangan masyarakat bukan Islam (Fathiah Fathil, 2008 dan Kosmo, 2014).

Matlamat Sistem Kewangan Islam

Pelaksanaan sistem kewangan Islam menggantikan sistem konvensional bukan sahaja melibatkan aspek teknikal iaitu menukar urusan perbankan, pembiayaan, gadaian, pelaburan serta insurans yang berasaskan kepada riba kepada sistem yang berasaskan kepada perkongsian untung dan rugi serta lain-lain kontrak syariah, tetapi juga melibatkan aspek kemaslahatan umum. Dengan kata lain, kewujudan institusi kewangan Islam dan produk-produk kewangan patuh syariah bukan setakat melambangkan kejayaan menghapuskan riba dan mendapatkan keuntungan daripada operasi dan pelaburan yang dibuat, tetapi meliputi sejauh mana tercapainya objektif sosio-ekonomi yang diperlukan untuk kebajikan masyarakat Islam.

Penggunaan pelbagai mekanisme yang bersesuaian dengan keperluan syariah dan menepati maqasid syariah adalah terarah untuk mencapai objektif yang luas dengan merealisasikan kebijakan socio-ekonomi Islam. Usaha ini dapat dilihat dalam bentuk transaksi kewangan yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, keadilan pengagihan pendapatan dan kekayaan, memobilisasikan tabungan, peningkatan keusahawanan yang meluas, kecekapan menggunakan tabungan dan sebagainya, bagi memenuhi keperluan utama (asasi) masyarakat Islam, mengurangkan pemusatan kekayaan di tangan segelintir individu dan kestabilan kewangan. Meskipun semua matlamat ini tidak akan tercapai dalam tempoh masa yang singkat, namun, tuntutan pelaksanaannya perlu diteruskan kerana orientasi kebijakan socio-ekonomi menjadi cabaran kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam yang bebas daripada amalan riba (Joni Tamkin, 2001).

PERKEMBANGAN AMALAN KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Amalan di Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Kedatangan Islam pada abad ke-15 mencorak sistem pentadbiran di Melaka seperti mana yang dapat dilihat termaktub di dalam *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-Undang Melaka*. Terdapat beberapa klausa berkaitan sistem kewangan Islam di dalam *Undang-Undang Melaka* yang melibatkan urusan jual beli, sistem percukaian, sistem mata wang, pinjaman dan upahan. Daripada enam kategori undang-undang yang terdapat dalam *Hukum Kanun Melaka*, salah satu daripadanya adalah khusus berkaitan dengan sistem kewangan Islam iaitu *Hukum Perdagangan dan Syahadat* (Abd. Jalil Borham, 2002a). Selain daripada bab perdagangan yang secara umumnya melibatkan urusan jual beli dan percukaian bersesuaian dengan status Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan, kategori ini juga merangkumi pelbagai aspek ekonomi yang lain seperti isu hasil tanaman dan isu pengambilan buruh untuk bekerja di tanah pertanian.

Satu lagi hal yang disebutkan di dalam *Hukum Perdagangan dan Syahadat* ialah isu riba di mana amalan tersebut ditolak bertepatan dengan ajaran Islam walaupun adalah sukar untuk dipastikan sama ada aktiviti kewangan bebas riba ini dipraktikkan oleh kebanyakan ahli masyarakat Melaka khususnya komuniti Islam. Di bawah seksyen 30 *Hukum Perdagangan dan Syahadat* dinyatakan bahawa amalan riba itu tidak dibenarkan di samping beberapa barang dagangan yang tidak dibenarkan jual beli seperti khinzir, anjing dan arak (Abd. Jalil Borham, 2002a). Selain daripada *Hukum Kanun Melaka*, kewujudan jawatan Syeikhul Islam yang bertindak sebagai pakar rujuk agama dan bertanggungjawab dalam memberi keputusan berkaitan hukum-hakam Islam di Melaka (Mohd Fadli Ghani, 2018) boleh dijadikan bukti bahawa Melaka pada ketika itu mempunyai struktur atau rangka asas bagi pelaksanaan sistem berlandaskan agama Islam. Isu yang melanggar hukum Islam dirujuk kepada undang-undang yang sedia ada dan Syeikhul Islam untuk memastikan tiada perkara yang tidak diingini berlaku dan ini termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan, socio-budaya, pentadbiran dan lain-lain. Justeru itu, kemakmuran Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan dan kekayaan saudagar-saudagar Melaka semasa zaman kegemilangan, seperti mana yang diceritakan oleh Tom Pires, Duarte Barbosa dan Fernao Lopez de Castanheda, secara tidak langsung boleh dikira sebagai hasil kejayaan sistem kewangan Islam yang diamalkan di Melaka ketika itu (Muhd Yusof Ibrahim, t.t). Sudah pastinya, ada beberapa faktor lain yang merangsang pembangunan pesat pelabuhan Melaka seperti perlindungan diplomatik China, kedudukan strategik Melaka dan lain-lain. Namun, tanpa pelaksanaan sistem kewangan yang cekap, adil dan saksama, agak sukar bagi sebuah pelabuhan untuk menjadi pilihan utama bagi ribuan pedagang yang datang dari pelbagai negara.

Selain kerajaan Melaka, kerajaan Islam di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu seperti Kelantan dan Terengganu juga adalah kawasan awal yang menerima Islam iaitu sejak abad ke-10. Pengaruh ajaran Islam kemudiannya telah diperlihatkan dalam socio-ekonomi masyarakat Pantai Timur. Umpamanya, penemuan mata wang dinar di Kelantan pada tahun 1914 di Kota Kubang Labu, Kelantan yang bertarikh 577H (1181M) menunjukkan penggunaan mata wang dinar dalam kegiatan

ekonomi masyarakat setempat beberapa kurun sebelum penubuhan kerajaan Melaka lagi. Bahkan, menurut sesetengah pengkaji, mata wang emas Kelantan mempunyai tiga jenis iaitu emas kijang, emas matahari (teratai) dan emas bertulisan Arab, dan ini telah menjadi bukti pengamalan ekonomi Islam di Kelantan (Mohd Fadli Ghani, 2020). Selain mata wang dinar yang diperbuat daripada emas, terdapat juga syiling atau mata wang perak yang dikenali sebagai dirham.



Dinar emas kijang yang ditemui pada tahun 1914
Sumber: Harakahdaily, 28/1/2020

Hal yang sama iaitu penggunaan dinar dan dirham telah diamalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka bermula dari era Sultan Muzaffar Shah (1445-1459). Bahagian muka syiling tertera dalam skrip tulisan Jawi nama sultan yang memerintah sementara bahagian belakangnya gelaran Islam baginda (Salmy Edawati Yaacob, 2009).

Dengan itu, boleh dirumuskan bahawa sistem pemerintahan Islam yang meliputi pelbagai aspek termasuk hal kewangan, yang diterapkan dalam sistem pemerintahan Melayu tradisional telah dapat membina kekuatan baru sehingga mengangkat kedudukan Melaka dalam bidang politik dan juga ekonomi. Tradisi pemerintahan Islam yang diambil daripada model kepimpinan Rasulullah SAW dan para Khulafa' ar-Rashidin ini telah melahirkan suasana baru dalam kehidupan bernegara bagi masyarakat Melayu.

Amalan di Zaman Penjajahan British

Di bawah pemerintahan British, secara umumnya, sistem pentadbiran di Tanah Melayu adalah berlandaskan undang-undang kolonial mengikut acuan Westminster sama ada dari segi sistem pentadbiran, sosial dan ekonomi tanpa menekankan aspek undang-undang Islam. Namun, jika dilihat corak pentadbiran di Tanah Melayu yang terbahagi kepada Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, terdapat perbezaan dari segi tahap pelaksanaan undang-undang kolonial dan undang-undang Islam di negeri-negeri tersebut.

Contohnya, di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura), penggunaan sistem undang-undang kolonial adalah lebih meluas oleh kerana negeri-negeri ini adalah pusat kepentingan ekonomi dan politik British. Sementara itu, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) dan terutamanya Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu), penggunaan undang-undang kolonial adalah lebih terbatas oleh kerana kuasa politik di negeri-negeri tersebut masih lagi dipegang, walaupun pada tahap berbeza antara dua kumpulan tersebut, oleh Sultan-sultan Melayu yang memerintah. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dengan pelantikan jawatan Residen, pihak British dapat menguatkuasakan undang-undang kolonial dalam beberapa aspek pentadbiran (politik dan ekonomi) negeri-negeri tersebut. Berbeza dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, ketiadaan Residen British (sebaliknya diwujudkan jawatan Penasihat Sultan) bermakna Sultan yang dibantu oleh Majlis Negeri yang dianggotai kebanyakannya oleh pembesar tempatan, masih lagi mempunyai kata putus dalam banyak hal yang berkaitan pentadbiran negeri masing-masing. Dalam hal yang berkaitan adat resam Melayu dan agama

Islam bagaimanapun, sama ada Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, kedua-dua hal ini diletakkan dalam bidang kuasa Sultan Melayu.

Satu perkara menarik yang perlu disebut di sini adalah ketika era penjajahan kolonial British, terdapat undang-undang setempat yang berlandaskan syariat Islam serta hukum adat, yang terus diguna pakai walaupun tidak sepenuhnya, di negeri-negeri Tanah Melayu. Selain daripada peruntukan undang-undang berkaitan isu perkahwinan, kekeluargaan dan peraturan berkaitan perbuatan jenayah, terdapat juga klausa yang menyentuh hal pentadbiran seperti kuasa Sultan dan perlantikan pembesar negeri. Sementara dalam isu kewangan pula, terdapat pelbagai peraturan tentang urusan jual-beli, sewa-menyewa, pinjam-meminjam, gadaian, upah, hutang-piutang dan lain-lain. Malah, lebih menarik lagi, sebahagian daripada undang-undang ini beracuankan *Hukum Kanun Melaka*. Antaranya ialah *Hukum Kanun Pahang* atau *Undang-Undang Pahang* yang diguna pakai bermula dari akhir kurun ke-15 atau awal kurun ke-16 (yang kemudiannya berkembang dan diperkenalkan sebagai *Undang-Undang Tubuh Pahang* pada tahun 1948). Sementara itu, terdapat *Undang-Undang 99 Perak* yang digubal di negeri Perak pada tahun 1867, dan *Undang-Undang Tubuh Negeri Johor* pada tahun 1895 ketika era Sultan Abu Bakar, di mana pembentukan kedua-keduanya dikatakan telah dipengaruhi oleh *Hukum Kanun Pahang* dan *Hukum Kanun Melaka*. *Undang-Undang Kedah* (yang berkembang dan dikenali sebagai *Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah* pada 1948-1950) juga dikatakan telah dipengaruhi oleh *Hukum Kanun Melaka* (Zaini Nasohah, 2004). Di Negeri Sembilan pula, terdapat *Undang-Undang Sungai Ujung* (Zaini Nasohah, 2004) yang berdasarkan Adat Perpatih yang bersulamkan Syariat Islam, sementara di Terengganu, wujud *Undang-Undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Terengganu* yang digubal pada tahun 1911 di atas perintah Sultan Zainal 'Abidin III (Hashim Musa dan Adi Yasran Abdul Aziz, 2011).

Jika dilihat undang-undang yang tersebut di atas dengan lebih dekat, banyak peruntukan terutamanya yang berkaitan dengan hukuman jenayah berlandaskan hukum syariat Islam, namun, dalam hal berkaitan perkahwinan, muamalat serta pentadbiran, masih wujud unsur hukum adat (Zaini Nasohah, 2004).

Ketika itu, umat Islam di Tanah Melayu telah mengamalkan beberapa transaksi yang bebas daripada amalan bunga seperti amalan jual janji. Ia diamalkan kerana mereka tidak mahu terlibat dengan pembiayaan pinjaman yang berasaskan bunga yang diuruskan oleh institusi ceti pada waktu itu. Jual janji (conditional sale atau *bay' al-wafd'*) adalah antara budaya muamalat masyarakat Malaysia terutamanya kepada para petani di Kedah, Perlis, utara Perak dan Kelantan sebelum zaman penjajahan lagi. Bentuk transaksi ini adalah bertujuan untuk mendapatkan modal yang bebas daripada riba dalam usaha penanaman padi dan seumpamanya tanpa perlu menemui ceti atau memohon pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan yang mengamalkan riba yang jelas diharamkan oleh Islam. Akad ini pada asalnya banyak diamalkan oleh penduduk di Asia Tengah (Bukhara dan Balkh) pada pertengahan abad ke-5 Hijriyyah untuk mengelakkan daripada mendapatkan pinjaman yang terlibat dengan unsur riba, dan ia kemudiannya sampai ke Timur Tengah selepas itu.

Akad yang menjadi budaya masyarakat setempat ini diamalkan melalui penjualan tanah atau harta tetap milik penjual kepada pembeli dengan janji untuk membeli semula dalam tempoh masa tertentu (umpamanya 2-3 tahun). Dalam tempoh itu, pembeli boleh mengguna dan menduduki tanah tersebut. Jika tiba tempoh yang dijanjikan dan penjual gagal untuk membeli semula hartanya, ia akan berpindah milik kepada pembeli. Budaya akad ini telah mendapat perhatian dalam sistem perundangan British di Tanah Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam kes-kes yang diputuskan dalam perbicaraan yang dikendalikan oleh para hakim berbangsa Inggeris. Antaranya ialah kes *Tengku Zahara v. Che Yusuf* (1951 MLJ 1) dan juga dalam kes *Mohamed Isa v. Haji Ibrahim* (1968 1 MLJ 186). Golongan yang sering menjadi sasaran adalah para petani kecil yang mengusahakan penanaman padi, kelapa, kelapa sawit, sayur-sayuran dan seumpamanya di mana mereka akhirnya kehilangan tanah kerana sukar mendapatkan modal daripada sumber lain atau kemudahan pinjaman yang mana ketika itu berasaskan riba (Joni Tamkin, 2001).

Beralih kepada sistem kewangan Islam, dekad 1920an dan 1930an menyaksikan kebangkitan aliran pemikiran Islam oleh tokoh-tokoh ilmuan Islam yang menyentuh pelbagai aspek sosio-ekonomi dan politik masyarakat Islam di Tanah Melayu. Kebangkitan ini selari dengan gerakan Islah dan Tajdid yang melanda dunia Islam secara amnya di mana penekanan diberikan kepada perlunya umat Islam menjunjung kembali ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw dengan berpandukan sumber syariat Islam iaitu Quran dan Hadis. Penyebaran idea-idea pemikiran ulama dan sarjana Islam seperti Imam Abu Hanifah (80-150H), Abu Yusuf (113-182H) dan Imam al-Ghazali (451-505H) melalui medium persuratan dan percetakan pada waktu itu telah menjurus kepada suatu keadaan di mana masyarakat Melayu mula menunjukkan minat terhadap pelbagai sistem yang berlandaskan ajaran Islam sama ada dalam bidang ekonomi, kewangan, pentadbiran, pendidikan, sosial dan sebagainya.

Amalan Pasca Penjajahan

Dari tahun 1957 hingga 1970an, sistem kewangan di Malaysia masih lagi dipengaruhi oleh sistem kewangan British. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti posisi Malaysia yang masih perlu kepada lebih masa dan pengalaman sebagai sebuah negara yang baru beberapa dekad terlepas daripada genggaman penjajah, tahap pengetahuan yang cetek tentang sistem kewangan Islam oleh kerana penekanan ke atas sistem pendidikan sekular, fokus kerajaan yang lebih tertumpu kepada isu dasar pembangunan ekonomi, kestabilan politik dan integrasi rakyat sebagai sebuah negara membangun, dan ketiadaan model sistem kewangan Islam yang komprehensif dalam kalangan negara-negara Islam yang lain yang boleh diambil sebagai contoh oleh Malaysia.

Cadangan pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam ditimbulkan pada penghujung tahun 1970an. Beberapa faktor dalaman dan luaran telah mempengaruhi keputusan untuk menjayakan rancangan tersebut. Pada awal tahun 1980an, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Tun Mahathir Mohamad mengarahkan agar kajian dibuat untuk memastikan kebolehlaksanaan atau kesesuaian sistem perbankan dan kewangan Islam dilaksanakan di Malaysia, iaitu sebuah negara majmuk yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Kajian mendapati sistem perbankan dan kewangan Islam tidak mustahil dilaksanakan di Malaysia, meskipun pada ketika itu, tiada negara lain di dunia yang mengamalkannya. Untuk memastikan semuanya berjalan lancar, Tun Mahathir mengarahkan Almarhum Prof. Ahmad Ibrahim untuk merangka draf undang-undang yang sesuai yang dikenali sebagai Akta Bank Islam 1983. Akta tersebut bersifat simplistik dan mudah kerana pendek. Asasnya, akta perbankan Islam tersebut dibenarkan beroperasi di Malaysia dengan syarat jawatankuasa syariah mesti diwujudkan dan sistem perbankan tersebut mesti selaras dengan syariah Islam.

Perlu disebutkan di sini bahawa keadaan ini berhubung-kait dengan perkembangan politik di Malaysia iaitu berikutan penggubalan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (1985) oleh kerajaan yang dipimpin oleh Tun Mahathir pada waktu itu. Hasilnya, bukan sahaja sistem kewangan Islam mula dilaksanakan oleh sesetengah kelompok masyarakat dan institusi kewangan di negara ini, bahkan sistem sosial dan pendidikan juga menunjukkan perubahan seperti kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan rakyat tentang isu makanan halal dan haram, penekanan ke atas sistem pendidikan Islam di samping mata pelajaran lain, pemakaian menurut peraturan yang digariskan oleh syariat Islam, aktiviti keagamaan dan sebagainya.

Walaupun dasar tersebut jika dilihat sekilas pandang merupakan dasar yang berkaitan isu sosial dan ekonomi, namun sedikit sebanyak ia didorong oleh keperluan politik semasa. Bagi pihak pemerintah ketika itu, iaitu kerajaan Barisan Nasional yang baru diambil alih tampuk kepemimpinannya oleh Tun Mahathir Mohamad, ia adalah salah satu cara untuk meraih sokongan masyarakat Melayu yang agak cenderung untuk menyokong parti pembangkang, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang semakin popular di Malaysia ketika itu. Ini ditambah pula dengan beberapa kritikan oleh PAS yang melabelkan kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh parti UMNO

(United Malays National Organisation) sebagai gagal memelihara sepenuhnya kepentingan masyarakat Islam di Malaysia.

Menjelang era 1990an, pelaksanaan sistem kewangan Islam secara beransur-ansur mencapai tahap komprehensif atau menyeluruh. Melalui beberapa fasa pelancaran sistem kewangan Islam selepas penubuhan BIMB, Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dan seterusnya Sistem Perbankan Islam (SPI), pelbagai instrumen dan produk patuh syariat serta kompetitif telah diperkenalkan oleh institusi kewangan dalam pasaran kewangan di Malaysia. Seterusnya pada tahun 2013, Kerajaan Malaysia telah mengubah-suai Akta Perbankan dan Institusi Kewangan dengan tujuan untuk menggalakkan lagi perkembangan sistem kewangan Islam. Pengubahsuaian tersebut membenarkan bank konvensional membuka “Islamic window”. Dengan kata lain, bank konvensional dibenarkan untuk membuka kaunter perbankan Islam (muamalat) dan pada masa yang sama, kerajaan juga menawarkan pelbagai insentif kepada sistem kewangan Islam (Mohd. Yazid Zul Kepli, 2017).

Faktor kedua yang membantu ke arah usaha pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia adalah idea-idea yang diutarakan oleh ilmuan Islam yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut sama ada melalui penulisan atau perbincangan umum. Di antara pemikir Islam yang menyemarakkan kecenderungan ke arah pemahaman konsep kewangan Islam adalah M. A. Mannan yang mengatakan dalam karyanya, *Islamic Economics: Theory and Practice*, bahawa ekonomi Islam adalah satu cabang sains sosial yang mengkaji permasalahan ekonomi bagi umat yang menganut dan berpegang kepada nilai-nilai agama Islam. Sementara Baqir al-Sadr dalam bukunya, *Iqtisaduna* berpendapat bahawa ia merupakan pemikiran ekonomi yang merujuk kepada agama Islam dengan pendekatan yang bersepadu dan sempurna dalam menyelesaikan permasalahan ekonomi (Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999).

Faktor ketiga adalah sambutan positif daripada masyarakat umum yang secara tidak langsung telah menggalakkan kewujudan institusi kewangan Islam seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, rangkaian premis Al-Rahnu yang mengaplikasi sistem gadaian Islam, Syarikat Takaful Malaysia yang mengamalkan sistem insurans Islam dan sebagainya. Keinginan masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan yang bebas dari unsur riba dan faedah telah mendorong penawaran SPI yang memberangsangkan di negara ini. Tidak terkecuali adalah sokongan daripada pelbagai institusi kewangan konvensional di Malaysia yang turut menyertai dan menawarkan dwi kaunter iaitu penawaran khidmat kaunter konvensional beserta muamalat kepada pelanggan seperti Maybank Malaysia Berhad, Public Bank, Hong Leong Bank, Prudential Insurance dan lain-lain. Malahan kini, terdapat bank yang pada awalnya mengamalkan muamalat konvensional telah bertukar sepenuhnya kepada SPI atau pertukaran secara perbankan Islam penuh *full-fledged Islamic Banking*. Antara bank yang dimaksudkan adalah dua buah bank pembangunan, Agrobank dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Nurul Iman Mohd Zain dan Luqman Abdullah, 2019).

Faktor keempat adalah prinsip keadilan Islam itu sendiri yang tidak bersifat menindas tetapi empati yang menyebabkan lebih ramai ahli masyarakat berminat untuk menikmati sistem kewangan Islam termasuk orang bukan Islam. Berbanding dengan sistem kewangan konvensional, sistem kewangan Islam mengutamakan layanan yang saksama serta menjaga kepentingan semua pihak yang terbabit. Sebaliknya sistem kewangan konvensional yang berpaksikan konsep kapitalis lebih mementingkan keuntungan kepada satu pihak iaitu golongan yang mempunyai dan mengeluarkan modal tanpa mengira kesan negatif yang menimpa pihak pelanggan yang menerima servis perkhidmatan atau bantuan kewangan. Gambaran sifat menindas sistem kewangan konvensional adalah konsep riba yang boleh dilihat meresap ke dalam pelbagai bidang kewangan dalam bermacam kaedah dan bentuk. Justeru, tidak hairanlah jika sebahagian masyarakat bukan Islam di negara ini didapati turut menggunakan khidmat sistem kewangan Islam sama ada untuk tujuan perbankan (simpanan wang, pinjaman dan pelaburan), gadaian atau insurans. Berdasarkan kajian yang dijalankan di negeri Perak, didapati masyarakat setempat tertarik terhadap gadaian Islam termasuk individu bukan Islam adalah kerana ia diyakini mampu membantu golongan berpendapatan rendah khususnya

dan masyarakat amnya, dengan produk yang begitu mudah, adil serta telus. Penawaran mikro kredit yang mengguna pakai kontrak syariat *al-rahn*, *al-ijarah*, *al-qardhu al-hassan* serta *wadiah yad al-amanah* ternyata diakui menyumbang kebaikan serta manfaat kepada semua masyarakat khususnya bagi yang memerlukan (Fathiah Fathil, 2008 dan Fathiah Fathil, 2017).

Seterusnya, kelima adalah faktor khusus yang melibatkan sistem pentadbiran di Malaysia di mana sokongan dan dorongan oleh pihak kerajaan dalam menyediakan garis panduan dan sistem pemantauan yang efisien ke atas pelaksanaan sistem kewangan Islam membantu sistem ini untuk terus berkembang luas. Ini dilakukan melalui beberapa agensi utama kerajaan seperti Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia. Dengan cara itu, sebarang usaha pihak tertentu untuk mengambil keuntungan berlebihan dengan menyetepikan masalah atau kepentingan pihak lain dapat dielakkan. Di samping itu, pengawasan juga dilaksanakan melalui akta perundangan di mana dari masa ke semasa undang-undang yang lebih berkesan dan komprehensif digubal dan diluluskan oleh kerajaan untuk melindungi kepentingan semua pihak yang terbabit. Antaranya, usaha memantapkan perkhidmatan kewangan Islam di negara ini dengan meluluskan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI). Akta ini merupakan undang-undang induk dalam industri kewangan Islam yang telah menggabungkan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 seterusnya, menggantikan kedua-dua perundangan tersebut. Di samping untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan sistem kewangan Islam sedia ada, perundangan bersifat omnibus ini bertujuan mengawal selia dan menyelia institusi kewangan Islam termasuk operator takaful serta mengawasi pasaran wang dan pertukaran matawang asing (Ruzian Markom, 2013).

Akhir sekali, faktor keenam adalah berkaitan dengan pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia di mana skop pelaksanaannya amat menyeluruh serta meliputi pelbagai bidang seperti perbankan, pelaburan, gadaian, insurans dan lain-lain. Dengan itu, tiada alasan untuk menyatakan bahawa sistem kewangan Islam adalah tidak setanding sistem kewangan konvensional, maka dengan itu, tidak boleh diguna pakai di negara ini. Apa yang jelas, sistem kewangan Islam yang diamalkan di Malaysia telah mencapai satu standard yang tinggi hinggakan negara lain termasuk beberapa negara maju telah mengadaptasi sistem ini ke dalam sistem kewangan mereka. Malaysia yang kini dikenali sebagai pelopor sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa, telah disokong dengan kewujudan produknya yang bersifat variasi serta kompetitif, bukan sahaja tersedia di pelbagai institusi kewangan Islam di negara ini, bahkan juga pada pelbagai program dan kursus berhubung kait dengan sistem kewangan Islam yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi.

Walaupun tahap penggunaan sistem kewangan Islam di negara ini kini boleh dikatakan amat memberangsangkan, ini tidak bermakna sistem tersebut langsung tidak mempunyai sebarang permasalahan yang memerlukan penambahbaikan. Di antara masalah yang dikenal pasti ialah tahap kesedaran yang secara relatifnya masih rendah dalam kalangan masyarakat Islam itu sendiri tentang kebaikan beberapa perkhidmatan yang ditawarkan seperti sistem gadaian Islam, tahap publisiti dan promosi yang kurang oleh sesetengah institusi sama ada di media cetak atau elektronik mengenai penawaran dan kelebihan produk kewangan Islam untuk menarik langganan yang lebih meluas, akses yang agak terbatas bagi masyarakat luar bandar terutamanya berhubung dengan faktor logistik oleh kerana kebanyakan institusi perbankan dan cawangan mereka berada di kawasan bandar dan pinggir bandar, serta keadaan di mana sesetengah institusi kewangan Islam didapati mengalami masalah untuk memastikan mereka dapat terus menawarkan tahap perkhidmatan yang terbaik terutamanya berkaitan isu keselamatan dan teknologi pada masa kini ketika mana wujud pelbagai ancaman siber seperti penipuan secara dalam talian dan sebagainya (Fathiah Fathil, 2017).

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini merumuskan bahawa kewujudan sistem kewangan Islam telah bermula semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka, namun aktiviti sistem ini kemudiannya tidak diberikan perhatian sewajarnya dan terbatas ketika era kedatangan pihak penjajah ke Tanah Melayu. Situasi ini

kemudiannya mengalami perubahan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan di mana sistem ini telah berjaya dikembangkan secara meluas meliputi pelbagai cabang bidang kewangan, malah berjaya mengangkat Malaysia sebagai pelopor sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Tidak dinafikan, penggunaan sistem kewangan yang berlandaskan syariah adalah amat relevan dan bertepatan dengan keperluan masyarakat Malaysia memandangkan majoriti penduduk negara ini beragama Islam. Seterusnya, meninjau kepada lipatan sejarah berdasarkan kupasan dalam kertas kerja ini, ternyata perkembangan positif sistem kewangan Islam yang dilaksanakan di Malaysia telah berjaya membuktikan bahawa ajaran Islam adalah bersifat alami, syumul dan komprehensif dalam semua keadaan tanpa mengira tempat dan masa.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Jalil Borham (2002a). *Pengantar Perundangan Islam*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Abd. Jalil Borham (2002b). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Fathiah Fathil (2008) "Penerimaan Masyarakat Bukan Islam Terhadap Produk Perbankan Islam di Bank Rakyat" (Masters Dissertation, Academy of Islamic Studies, UM).
- Fathiah Fathil et.al, (2017) "Ar-Rahnu Scheme as Flexible Micro Financing Mechanism for Society: Case Study on Yapeim Ar-Rahnu in State of Perak" dalam *J. Appl. Environ. Biol. Sci.*, 7(8)110-117, 2017 © 2017, TextRoad Publication ISSN: 2090-4274 Journal of Applied Environmental and Biological Sciences www.textroad.com
- Hashim Musa dan Adi Yasran Abdul Aziz (2011). "Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911: Kuasa Raja dan Pengaruh Islam dalam Sebuah Kerajaan Melayu", *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29 (1), pp. 67-77.
- Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Hanif Md Lateh @ Junid dan Hamizah Mohd Kadiron (2015). "Pengaruh Islam dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah", *Jurnal Melayu*, Bil. 14 (1), pp. 32-47.
- Jelani Harun (2008). *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Joni Tamkin Borhan (2001). Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil 14 [2001] 137-164. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin APIUM
- Kosmo (2014). *Keistimewaan Sistem Kewangan Islam - Maybank Malaysia* Diambil daripada [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0313&pub=Kosmo&sec=islamic-my-\(12/8/21\)](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0313&pub=Kosmo&sec=islamic-my-(12/8/21))
- Mahmud Saedon Awang Othman (1989). Islamic Law and Its Codification. *IJUM Law Journal*, 1(1), pp. 51-82.
- Mohd Fadli Ghani (2018). Kesultanan Melaka Laksana Perundangan Islam. *harakahdaily*.
- _____ (2020). Dinar Emas Kelantan Simbol Kerajaan Bertawakal, *Harakahdaily*, Diambil daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2020/01/28/dinar-emas-kelantan-simbol-kerajaan-bertawakal/> (28 /1/2020)
- Mohd. Yazid Zul Kepli (2017). Sumbangan, Cabaran dan Potensi Kewangan Islam dalam Perdagangan Antarabangsa 29 Kanun (2) dalam *Jurnal Kanun* 16 Jun 2017 NSK.indb 88 6/20/17
- Muhammad Yusoff Hashim (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim (t.t). Kesultanan Melayu Melaka 1400 (?) - 1511: Pensejarahan dan Kesejarahan Persatuan Sejarah. Diambil daripada [catalogue.nla.gov.au](http://catalogue.nla.gov.au/Record/6004466) > Record > 6004466..Sejarawan dan persejarahan Melayu/ Mud. Yusof Ibrahim

- Nurul Iman Mohd Zain dan Luqman Abdullah (2019). Pertukaran Sistem kepada Patuh Syariah sebagai Alternatif kepada Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Konvensional: Pengalaman di Malaysia, *Jurnal Hadhari* 11 (1) (2019) 19-36 ejournals.ukm.my/jhadhari
- Ruzian Markom (2013). Akta Perkhidmatan Kewangan Islam dalam *Jurnal Kanun* (1) 153. Diambil daripada jurnalkanun.dbp.my > 2014/08/153-157-Akta-Perkhidmatan AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 - DBP pada 16/9/2021
- Saimi bin Bujang, Sharifah Anom binti Omar dan Ahmad Rozaini bin Ali Hasan (2008). Penerimaan Masyarakat Terhadap Sistem Perbankan Islam Di Bahagian Samarahan. Diambil daripada www.academia.edu > 38708548 > Penerimaan_Masyarakat (PDF) Penerimaan Masyarakat Terhadap Sistem Perbankan Islam pada 114/9/2021.
- Salmy Edawati Yaacob (2009). Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Wang Dunia. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4 (2009), pp. 107-127.
- Zaini Nasohah (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.